

Sebab Filipina engggan mohon maaf

UM 12 DEC 2002

KUALA LUMPUR 11 Dis. — Keengganan kerajaan Filipina memohon maaf kepada kerajaan Malaysia berhubung isu dakwaan terbuka gadis 13 tahun dirogol di pusat tahanan di Sabah, dipercayai didorong oleh faktor politik dalaman negara tersebut.

Menurut Pengarah Eksekutif Pusat Pengajian Strategik Antarabangsa, Abdul Razak Baginda, sekiranya permohonan maaf dibuat, ia akan menimbulkan kemarahan rakyat negara tersebut dan seterusnya akan menjejaskan peluang Presiden Macapagal Arroyo mempertahankan kuasa dalam pilihan raya akan datang.

“Ini kerana media di Filipina telah memaikan isu ini secara besar-besaran sehingga membuatkan rakyatnya menjadi terlalu emosional dengan soal tersebut.

“Apatah lagi dari sudut politik antarabangsa, soal permohonan maaf dilihat sebagai satu perkara yang sangat besar di mana ia melibatkan soal maruah sesebuah negara,” katanya ketika dihubungi hari ini.

Filipina bukan sahaja enggan untuk memohon maaf berhubung isu gadis, malahan mahu mendapatkan laporan perkembangan siasatan mengenainya.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar bagaimanapun menegaskan ‘gadis itu rakyat Malaysia dan ia menjadi tanggungjawab kita.’ Menurut Abdul Razak lagi, isu ini mungkin boleh diselesaikan sekiranya Presiden Arroyo secara peribadi membuat permohonan maaf kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

“Saya percaya, cara ini tidak akan memberi kesan kepada politik dalaman Filipina dan saya juga yakin kerajaan Malaysia dapat memahaminya atas semangat ASEAN,” jelasnya.

Katanya, sekiranya isu tersebut tidak dibabitkan dengan emosi rakyat, manamana kerajaan sekalipun akan membuat permohonan maaf sekiranya ada berlaku kesilapan dan perselisihan kerana ia akan membuatkan sesebuah kerajaan itu disegani.

“Bagaimanapun di dalam hal ini, kerajaan Filipina tersepit di antara kepentingan politik dan kepentingan menjaga perhubungan diplomatik.

“Mungkin dalam hal ini media masa Filipina patut dipersalahkan kerana memperbesarkan isu ini tanpa usul periksa,” jelasnya.